

NCRC Online: Seramai 65 orang penjawat awam dari pelbagai kumpulan jawatan dan jabatan kerajaan serta IPTA telah mengikuti Program Pembangunan Modal Insan dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (PPMI-NCER) anjuran Northern Corridor Research Centre (NCRC) pada 04-05 Mac 2012 bertempat di EDC-UUM.

PPMI-NCER yang bertemakan **Memperkasa Penjawat Awam di Era Globalisasi : "Menerobos Halangan Menjulung Kegemilangan"** menampilkan Pakar Perunding Motivasi terkenal itu Prof Madya Md. Izzuddin Hj Ali (Prof IZZI) sebagai fasilitator program.

Program selama dua hari ini mendedahkan peserta kepada pelbagai strategi memperkasakan diri sebagai penjawat awam di era globalisasi. Ia juga mendedahkan peserta kepada penggunaan *Positive Mental Attitude* dalam membina kecemerlangan diri. Modul program turut menekankan tentang keperluan penjawat awam menggarap potensi diri untuk kepentingan organisasi, keluarga, masyarakat dan diri.

Program padat dan sarat dengan pelbagai idea dan gelagat Prof. Izzi ini berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil dan ucapan penutupan oleh Pengarah Northern Corridor Research Center iaitu Prof. Madya Dr. Rohana Yusof.

Sekretariat Program Pembangunan Modal Insan
Dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara:
Memperkasa Penjawat Awam Di Era Globalisasi: Menerobos Halangan, Menjulung Kegemilangan
NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

Aras 2, Bangunan Ekonomi, Kolej Perniagaan (UUM COB)
Universiti Utara Malaysia
06010, UUM Sintok, Kedah Darul Aman

Tel : +0604-928 3652/ 3895/ 4661 | Faks : +0604-928 3647 | Email : syafreen@uum.edu.my; (012- 4294758)



*Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary).*